



NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA
No. Sebut Harga : **PPj/JP/SHS(S)/0001/2024**

Tajuk Sebut Harga :

**PENYELENGGARAAN CERUN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN FASA 2
DI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Syarikat Tempatan** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja di bawah kod bidang Gred : **G3, Kategori CE - Pengkhususan CE21 – (Pembinaan Kejuruteraan Awam)** untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut di atas.
2. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **19 Februari 2024 (Isnin), jam 10:00 pagi** di **Bilik Mesyuarat Cemara, Aras C5, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam **SPKK** adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **SPKK** serta **Cap Syarikat**.
3. Dokumen Sebut Harga hanya boleh dibeli pada **19 Februari 2024 (Isnin)** hingga **22 Februari 2024 (Khamis)** oleh wakil Syarikat yang sah serta menghadiri taklimat sahaja dengan bayaran **RM10.00** secara online melalui web **<https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage>** (Atas Talian).
4. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada **Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya** sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **26 Februari 2024 (Isnin)**.
5. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat **<https://www.ppj.gov.my>** dan portal MyPROCUREMENT **<https://myprocurement.treasury.gov.my>**.

PERHATIAN:

Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai sebut harga ini dikehendaki berdaftar di dalam sistem COINS (Sistem Maklumat Pengurusan Kontrak). Hanya kontraktor yang **BERDAFTAR** di dalam **sistem COINS** sahaja dibolehkan untuk **membeli dokumen sebut harga**. Sila log masuk menggunakan log ID Pengguna dan kata laluan yang telah diberikan serta kemas kini dokumen berkaitan. (Kontraktor/Syarikat hanya dibenarkan mendaftar sekali sahaja).

Sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan Perbadanan Putrajaya di talian 012-228 2362/03-8887 7708 atau e-mel ke alamat **spp@ppj.gov.my** / **bantuan@dcoins.ppj.gov.my** untuk sebarang pertanyaan.